

→ ISU

'Sedia pelan khusus pastikan kawasan stabil, selamat'

Pekan: Pihak yang mahu melakukan aktiviti perlombongan di Tasik Chini perlu diminta menyediakan pelan khusus yang harus dipersetujui komuniti dan kerajaan, seterusnya menjadi panduan selepas proses perlombongan bermula.

Pengarah Pusat Kelestarian Sumber Bumi (ERAS) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof Dr Muzamir Hasan, berkata kerja pemuliharaan seharusnya bermula ketika masih dalam aktiviti perlombongan.

Katanya, usaha segera perlu bagi memastikan tasik semula jadi kedua terbesar Malaysia itu menjadi kawasan selamat dan stabil dengan mengisi semula tanah yang dikorek serta membentuk semula kawasan terjejas supaya selari dengan landskap asal.

"Ia juga bagi memastikan kelangsungan habitat tumbuhan dan haiwan asal dengan menanam pokok serta benih tumbuhan tempatan, menyediakan kotak sarang, menggantikan pokok mati dan mengawal semak samun serta haiwan liar," katanya kepada BH di sini, semalam.

Katanya, usaha pemulihan Tasik Chini yang berdepan masa depan suram berikutan aktiviti penerokaan tanah dan perlombongan yang berleluasa juga perlu memabitkan semua pihak.

Tumpu usaha pulih tasik

Beliau berkata, kawasan terjejas dengan perlombongan perlu dikembalikan kepada keadaan asal atau lebih baik dengan menambak tanah selain menetapkan aktiviti berkenaan hanya boleh dilakukan di kawasan zon penampungan.

Muzamir berkata, beberapa aspek perlu diberi perhatian dalam melaksanakan usaha memulihkan tasik berkenaan yang diiktiraf sebagai Rizab Biosfera Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pertama negara.

Katanya, ia termasuk memastikan kawasan perlombongan di sekitar tasik itu sentiasa selamat dan stabil dari aspek fizikal, geo-kimia dan ekologi, manakala kualiti sumber air di sekelilingnya perlu dilindungi.

"Penerangan secara jelas dan terperinci kepada komuniti dan kerajaan mengenai pelan kelestarian kawasan yang dilombong perlu diadakan supaya semua pihak faham dan berpuas hati," katanya.